



GARIS PANDUAN GERAN PADANAN UNIVERSITI MALAYA (UM)

1.0 PENGENALAN

Geran Padanan UM atau *UM Matching Grant* merupakan komitmen Universiti untuk menyokong penyelidik menjalankan kolaborasi penyelidikan bersama pihak luar khususnya industri dan antarabangsa seterusnya memperoleh geran penyelidikan daripada agensi swasta/industri dan/atau antarabangsa untuk memajukan penyelidikan kolaboratif yang memberi impak bersama rakan kolaborasi luar. Geran padanan ini berperanan mengukuhkan kerjasama strategik serta memupuk jalinan kolaborasi yang lebih erat dengan rakan kolaborasi luar melalui pembiayaan sebahagian kos projek atau menampung perbelanjaan tambahan bagi projek penyelidikan berkaitan. Inisiatif ini diharapkan dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan rakan industri dan antarabangsa.

2.0 OBJEKTIF

Geran Padanan UM atau *UM Matching Grant* diwujudkan untuk menggalakkan penyelidik menjalankan kerjasama penyelidikan antara rakan industri dan/atau rakan antarabangsa seterusnya memperoleh geran penyelidikan luar dari pihak swasta, industri dan/atau institusi antarabangsa kepada UM sekaligus dapat mencapai hasrat berikut:

- 2.1 Mempromosikan dan mengukuhkan kerjasama penyelidikan kolaboratif
- 2.2 Meningkatkan impak projek penyelidikan
- 2.3 Menarik rakan kolaborasi yang berpotensi untuk membentuk kerjasama penyelidikan

3.0 SKOP DAN BIDANG PENYELIDIKAN

3.1 Setiap projek penyelidikan yang dicadangkan mesti selaras dengan sepuluh (10) bidang tujuan strategik UM:

- i. *Nuclear Energy and New Energy Transition*
- ii. *Food Sustainability and Security*
- iii. *Semiconductor and Chips*
- iv. *Nanotechnology and Quantum Exploration*
- v. *Artificial Intelligence and Digital Robotic Realms*
- vi. *Space Science and New Engineering Spectrum*
- vii. *Defence and Security Assets and Inventory Innovation and Creation*
- viii. *Rare Earths and Critical Minerals*
- ix. *Comprehensive Medical and Health Spectrum Excellence*
- x. *Social Science Advancement in Economic, Smart Finance, Societal, International Norms and Law, and Geopolitical Spectrum for The Nation and The World.**

* Termasuk bidang Inovasi Kreatif dan Budaya, Sastera dan Kemanusiaan.

4.0 KRITERIA KELAYAKAN

Geran ini adalah terbuka kepada semua penyelidik UM:

4.1 Terbuka kepada semua penyelidik UM (tetap atau kontrak).

4.2 Semasa permohonan, pemohon mesti mempunyai sekurang-kurangnya 1 tahun tempoh perkhidmatan sebelum bersara atau tamat kontrak.

5.0 JENIS GERAN PADANAN UM

		1. Geran Insentif <i>Incentive Grant</i>	2. Geran Perkongsian <i>Partnership Grant</i>	3. Geran Padanan Institusi <i>Institutional Matching Grant</i>	4. Geran Pertukaran Institusi <i>Institutional Exchange Grant</i>
5.1	Huraian	Insentif kepada penyelidik individu yang memperoleh geran luar daripada agensi	Geran padanan yang menggalakkan kerjasama pada peringkat individu	Geran padanan yang menggalakkan kerjasama pada peringkat institusi	Geran padanan yang menggalakkan geran antara institusi
5.2	Kelayakan				
	Status rundingan	Ketua Penyelidik telah menerima geran daripada industri atau agensi antarabangsa	Penyelidik yang ingin memohon perlu menghubungi sekretariat semasa menjalankan rundingan dengan rakan kolaborasi luar		
	Dokumen sokongan	Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf	Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf	Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf	Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf
	Minimum geran yang diterima	Sains & Teknologi: RM20,000.00 Sosial Sains: RM5,000.00	Bagi sumbangan dalam bentuk tunai jumlah minima: Sains & Teknologi: RM20,000.00 Sosial Sains: RM5,000.00	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian

			Bagi sumbangan dalam bentuk bukan tunai (in-kind), jumlah minima mestilah melebihi RM50,000		
5.3	Jenis rakan kolaborasi luar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rakan Industri ▪ Badan Bukan Kerajaan (NGO) ▪ Agensi Swasta ▪ Rakan Antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rakan Industri ▪ Badan Bukan Kerajaan (NGO) ▪ Agensi Swasta ▪ Rakan Antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rakan Industri ▪ Badan Bukan Kerajaan (NGO) ▪ Agensi Swasta ▪ Rakan Antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rakan Antarabangsa
5.4	Tempoh Projek	Maksimum 24 bulan atau 12 bulan selepas tamat projek pertama	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian
5.5	Tempoh layak permohonan	Dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akaun dibuka	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian
5.6	Kriteria Kelayakan Spesifik	Penyelidik Utama (Principal Investigator) yang telah menerima Geran Penyelidikan Kontrak daripada agensi swasta/ industri/ institusi antarabangsa adalah layak memohon Geran Padanan UM. Jumlah geran yang diambil kira untuk padanan	<p>Setiap penyelidik hanya layak mengemukakan satu permohonan bagi setiap projek yang dianugerahkan.</p> <p>Sekiranya penyaluran dibuat secara berperingkat, maka geran padanan juga diberi secara berperingkat.</p>		

	<p>hanya merangkumi peruntukan yang telah disalurkan ke akaun UM dan digunakan secara langsung bagi aktiviti penyelidikan. Ini tidak termasuk honorarium, kos staf, perundingan dan elaun. Hanya projek penyelidikan ujian klinikal dan projek perundingan yang dikendalikan oleh Jabatan Pengurusan Penyelidikan sahaja yang layak untuk geran ini.</p> <p>Setiap penyelidik hanya layak mengemukakan satu permohonan bagi setiap projek yang dianugerahkan.</p> <p>Sekiranya penyaluran dibuat secara berperingkat, maka geran padanan juga diberi secara berperingkat.</p>				
5.7	Peruntukan Dana				
	Nisbah Dana (UM:Rakan Kolaborasi)	Sumbangan tunai 1:3	Sumbangan tunai 1:1 Sumbangan bukan tunai (<i>in-kind</i>) 1:1, mengambil kira	Sumbangan tunai 1:1	Sumbangan tunai 1:1

			sumbangan bukan tunai daripada UM		
	Peruntukan daripada rakan kolaborasi	Berdasarkan Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf.	Berdasarkan Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf.	Berdasarkan Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf.	Berdasarkan Memorandum Perjanjian (MoA), atau setaraf.
	Status dana yang diterima daripada rakan kolaborasi	Telah diterima	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian
	Peruntukan daripada UM	Maksimum RM50,000	Sumbangan tunai sehingga RM100,000. Sumbangan bukan tunai sehingga RM50,000.	Tertakluk kepada perjanjian	Tertakluk kepada perjanjian
	Kebolehpindahan ke luar UM	Tidak	Tidak	Tidak	Ya
	Sumber dana daripada UM	Peruntukan Universiti Penyelidikan (PUP)	Peruntukan Universiti Penyelidikan (PUP)	Peruntukan Universiti Penyelidikan (PUP)	Peruntukan dalaman UM

Nota:

* Peruntukan geran padanan adalah tertakluk kepada syor panel dan ketersediaan dana.

6.0 SKOP PEMBIAYAAN

Peruntukan Geran Padanan UM boleh digunakan mengikut kategori berikut untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Vot	Kategori
11000	Upah dan Elaun <ul style="list-style-type: none">Pembantu Penyelidik Sementara atau Kontrak yang terlibat secara langsung dengan projek penyelidikan
21000	Perjalanan dan Pengangkutan <ul style="list-style-type: none">Maksimum SEKALI (1) lawatan*/persidangan dalam setahun dibenarkan sepanjang tempoh projek.Perjalanan terhad kepada Kelas Ekonomi dan melalui laluan perjalanan yang paling pendek.Tiada pindahan peruntukan dari mana-mana kategori dibenarkan.Lawatan hanya dibenarkan kepada Ketua Projek/Penyelidik Bersama dan <i>Graduated Research Assistant</i> (GRA) untuk mesyuarat bersama kolaborator atau lawatan ke Institusi/Agensi Kolaborator
24000	Sewaan <p>Sewaan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.</p>
27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan <p>Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja.</p>
28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai <p>Perbelanjaan bagi ubahsuai dan penyenggaraan kecil peralatan atau yang berkaitan dengan projek sahaja. Renovasi makmal dan pejabat tidak dibenarkan.</p>
29000	Perkhidmatan Ikhtisas <p>Meliputi perbelanjaan untuk perkhidmatan ikhtisas/khas seperti perundingan, bayaran untuk enumerator, penggunaan kemudahan komputer, analisis kimia dan pemprosesan data. Penyelidik perlu mengemukakan TOR untuk Perunding yang dilantik dalam projek. Bayaran untuk Kolaborator Antarabangsa tidak ditanggung dibawah geran Padanan UM.</p>

35000	<p>Peralatan Kecil</p> <p>Hanya pembelian peralatan dan aksesori khas (termasuk aksesori untuk meningkatkan keupayaan peralatan yang ada) yang berkaitan langsung dengan projek dibenarkan.</p>
--------------	--

7.0 KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

- 7.1 Perluasan aktiviti/skop kepada projek asal mestilah kukuh, boleh dilaksanakan secara teknikal dengan jangkaan hasil yang dapat dicapai, dan mempunyai potensi ke arah untuk pembangunan seterusnya.
- 7.2 Kompetensi penyelidik. Pasukan penyelidik mesti mempunyai rekod prestasi yang baik untuk melaksanakan penyelidikan dengan jayanya serta jangkaan hasil penyelidikan yang jelas.

8.0 PEMILIK & PENGGUNAAN PERALATAN R&D

Semua peralatan R&D yang diperoleh di bawah geran ini akan menjadi milik UM di mana peralatan tersebut bukan untuk penggunaan eksklusif penyelidik sahaja tetapi harus diguna sama dengan penyelidik lain di UM.

9.0 JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN

Jangkaan hasil penyelidikan bagi setiap RM25,000 adalah:

- (i) Satu (1) penerbitan ATAU
- (ii) Satu (1) MoA atau setara yang baharu; ATAU
- (iii) Satu (1) IPR (paten)

Keperluan ini adalah tambahan kepada kewajipan KPI yang ditetapkan oleh geran luar.

10.0 PROSEDUR PERMOHONAN

10.1 Dokumen yang diperlukan:

- i. Borang permohonan
- ii. Surat tawaran geran rakan kolaborasi luar (swasta/ industri/ antarabangsa) atau dokumen perjanjian untuk kerjasama (jika berkaitan)
- iii. *Proposal* penyelidikan lengkap yang diluluskan
- iv. Jumlah peruntukan yang dibiaya

10.2 Penghantaran

Permohonan Geran Padanan UM hendaklah dihantar kepada:

i. **Geran Insentif**

Pengarah
Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP)
Jabatan Pengurusan Penyelidikan
Aras 7, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
E-mel: ppgp@um.edu.my

ii. **Geran Perkongsian, Geran Padanan Institusi, Geran Pertukaran Institusi**

Pengarah
Pusat Dana Penyelidikan
Jabatan Pembangunan Penyelidikan
Aras 4, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
E-mel: researchfunding@um.edu.my

11.0 Komposisi Ahli Jawatankuasa Penilai

Setiap permohonan yang diterima akan disemak dan dinilai oleh Ahli Jawatankuasa Penilai yang terdiri daripada:

- i. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atau wakil
- ii. Pengarah Eksekutif, Jabatan Pembangunan Penyelidikan
- iii. Pengarah Eksekutif, Jabatan Pengurusan Penyelidikan
- iv. Pengarah, Pusat Dana Penyelidikan
- v. Pengarah, Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan
- vi. Pegawai Kewangan
- vii. Seorang ahli akademik bertaraf Pensyarah Kanan atau pakar dalam bidang berkaitan

Lampiran 1: Glosari

<p>Badan Bukan Kerajaan <i>Non-Government Organization</i> (NGO)</p>	<p>Sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan secara sukarela oleh individu atau kumpulan masyarakat di peringkat tempatan, nasional, atau antarabangsa untuk menangani isu-isu berkaitan kepentingan awam. NGO biasanya bersifat bebas daripada kawalan kerajaan dan berperanan dalam memberikan perkhidmatan kemanusiaan, membela hak asasi, memantau dasar, serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam proses pembangunan dan dasar awam.</p>
<p>Memorandum Perjanjian <i>Memorandum of Agreement (MoA)</i></p>	<p>Sebuah dokumen bertulis yang menerangkan hubungan kerjasama antara dua pihak yang berhasrat untuk bekerjasama dalam sesuatu projek atau untuk mencapai objektif yang telah dipersetujui bersama. MoA adalah lebih formal berbanding persetujuan lisan tetapi kurang formal daripada kontrak. Ia sering digunakan dalam pemindahan dana atau sumber lain antara agensi.</p> <p>Dokumen setaraf termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Perjanjian Kolaborasi Penyelidikan/ <i>Research Collaboration Agreement (RCA)</i>2. Kontrak Perjanjian / <i>Contract Agreement</i>3. Geran Perjanjian/ <i>Grant Agreement</i>4. Surat Penganugerahan/ <i>Letter of Award (LoA)</i>5. Perjanjian Konsortium/ <i>Consortium Agreement</i>6. Perjanjian Perkhidmatan/ <i>Service Agreement</i>
<p>Memorandum Persefahaman <i>Memorandum of Understanding (MoU)</i></p>	<p>Dokumen yang menerangkan perjanjian dua hala atau pelbagai hala antara pihak-pihak yang terlibat. Ia menggambarkan kesepakatan hasrat antara pihak-pihak tersebut, yang menunjukkan niat untuk melaksanakan tindakan bersama. MOU lazimnya digunakan dalam keadaan di mana pihak-pihak tidak ingin atau tidak dapat memeterai kontrak yang boleh dikuatkuasakan secara undang-undang.</p>
<p>Rakan Industri <i>Industry partner</i></p>	<p>Syarikat, organisasi atau entiti dalam sektor industri yang menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi penyelidikan atau akademik bagi tujuan pembangunan, inovasi, atau pelaksanaan projek bersama.</p>

Rakan Antarabangsa <i>International Partner</i>	Institusi, organisasi, agensi, atau entiti luar negara yang menjalinkan kerjasama rasmi dengan institusi tempatan bagi tujuan penyelidikan, pembangunan, pendidikan, atau pelaksanaan projek bersama.
Sumbangan bukan tunai <i>In-kind</i>	Nilai bentuk sumbangan bukan dalam bentuk wang tunai oleh rakan kolaborasi yang menyokong pelaksanaan projek penyelidikan, termasuk sumbangan seperti kemudahan, peralatan, bahan guna habis, tenaga kerja, ruang kerja, perkhidmatan teknikal atau kreatif, dan seumpamanya sepanjang tempoh projek.
Surat Hasrat/Niat <i>Letter of Intent (Lol)</i>	Dokumen yang menggariskan komitmen awal antara satu pihak dengan pihak lain sebelum perjanjian kontrak dimeterai.

Lampiran 2: Carta alir

